

**TEKS UCAPAN  
YBRS. PROF. DR NORAZMIR MD NOR  
TIMBALAN REKTOR HAL EHWAL PELAJAR**

**MEWAKILI  
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL  
RAHMAN  
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA  
SEMARAK KASIH UCS 2025**

**10 JUN 2025 | SELASA | 11.30 PAGI  
SURAU IBNU SINA  
UiTM CAWANGAN SELANGOR  
KAMPUS PUNCAK ALAM**

**Terima kasih Pengacara Majlis**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN**

**WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL**

**ANBIYA IWAL MURSALIN WA ALA ALIHI  
WASOHBHI AJMAIN**

**YBrs. Prof. Dr. Mohd Hafiz Mohd Hanafiah**

Timbalan Rektor Bahagian Hubungan Industri,  
Komuniti, Alumni Dan Keusahawanan (Icare),

**YBrs. Ustaz Haji Lutfi Fauzi Haji Sabari**

Timbalan Pendaftar Kanan Unit Hal Ehwal Islam

**Saudara Muhammad Iman Zulkifli**

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar

UiTM Cawangan Selangor Sesi 2024/2025

**Saudara Ahmad Zulhairie Beddu,**

Pengarah Program Semarak Kasih UCS 2025

Barisan Pengurusan UiTM Cawangan Selangor

Barisan Majlis Perwakilan Pelajar dan Sekretariat  
Majlis Perwakilan Pelajar

Ketua-ketua Bahagian, para staf dan warga UiTM  
Cawangan Selangor yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan  
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Terlebih dahulu, **mewakili Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir.
2. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul dalam suasana yang penuh keberkatan ini bagi menjayakan program **Semarak Kasih UCS 2025** bersempena **gotong royong ibadah korban** pada hari ini.
3. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah diucapkan kepada pihak penganjur; **Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Unit Hal Ehwal Islam (UHEI)** UiTM Cawangan Selangor, atas usaha dan komitmen dalam merealisasikan majlis ini dengan penuh meriah dan bermakna.

**Hadirin sekalian,**

4. Aidiladha bukan sekadar satu perayaan, tetapi ia membawa makna yang lebih mendalam, iaitu nilai keikhlasan, kesyukuran, serta semangat ukhuwah yang perlu kita terapkan dalam kehidupan seharian.
5. Sebagai sebuah institusi yang mendukung aspirasi negara, UiTM sentiasa berusaha membentuk warga yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik dan tetapi juga kaya dengan nilai-nilai murni dan jati diri yang tinggi.
6. Majlis ini juga menjadi platform untuk kita mengeratkan hubungan kekeluargaan antara warga UCS, daripada pentadbiran, pensyarah, staf, hingga kepada para pelajar.

7. Saya percaya, hubungan yang erat ini akan memacu kejayaan kita bersama dalam mencapai visi dan misi UiTM sebagai universiti unggul yang mendukung pembangunan negara.
8. Di kesempatan ini, saya mengucapkan syabas kepada semua pelajar dan staf atas kesungguhan dan komitmen yang telah ditunjukkan sepanjang program ini.
9. Saya berharap agar program seumpama ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.
10. Marilah kita bersama-sama menyemai semangat perpaduan dan kebersamaan, bukan hanya dalam meraikan hari istimewa seperti hari ini, tetapi juga dalam setiap aspek kehidupan harian.

Kita berkumpul di Surau Ibnu Sina,  
Niat di hati mencari redha.  
Lembu disembelih penuh tertib dan tata,  
Berkongsi rezeki sesama warga.

11. Akhir kata, saya mengucapkan selamat Hari Raya Aidiladha kepada semua.

12. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan program **Semarak Kasih UCS 2025.**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah  
Wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.**